



**KOD AMALAN TENTANG  
PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS  
DI TEMPAT KERJA**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**JKKP: COP(I/BM) 01/2001  
ISBN 983-2014-11-5**



**KODA AMALAN TENTANG  
PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS  
DI TEMPAT KERJA**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MALAYSIA  
2001**



## MENTERI SUMBER MANUSIA MALAYSIA

---

### PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atas inisiatif yang diambil bagi menyediakan "Koda Amalan Tentang Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja". Koda Amalan ini telah disediakan melalui kerjasama perwakilan dari pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi antarabangsa termasuk UNDP, UNAIDS dan ILO.

Koda Amalan ini telah disediakan hasil dari resolusi yang dibuat semasa seminar kebangsaan bertajuk "HIV/AIDS in the Context of World of Work" di Hotel Hyatt Regency Saujana, Subang, pada 30 October 2000, yang mana telah menyerlahkan keperluan garis panduan kepada majikan dan pekerja dalam menangani isu-isu yang berkaitan HIV/AIDS di tempat kerja. Majikan hendaklah mengakui bahawa HIV/AIDS juga merupakan isu tempat kerja dan sebagai satu penyakit ia seharusnya ditangani sebagai sebarang penyakit lain. Koda Amalan ini bertujuan untuk mengurangkan rebakan penyakit ini dan membimbing majikan serta pekerja dalam menguruskan isu-isu berkaitan HIV/AIDS di tempat kerja. Ini adalah perlu kerana HIV/AIDS bukan sahaja menjejaskan kumpulan tenaga kerja, tetapi juga kerana tempat kerja, yang merupakan sebahagian utama daripada masyarakat tempatan, mempunyai peranan amat ketara yang harus dimainkan dalam perjuangan yang lebih luas untuk membendung rebakan dan kesan penyakit ini.

Dengan majikan memainkan peranan secara proaktif untuk merancang dan merangka program pencegahan dan pengurusan HIV/AIDS yang berkesan di tempat kerja, akan membolehkan majikan dan pekerja bertindak balas terhadap masalah ini secara matang, bertanggungjawab dan sesuai serta terlaksana dari segi ekonomi. Majikan perlulah merangka dasar dan program HIV/AIDS di tempat kerja. Pelaksanaan dasar dan program berkenaan HIV/AIDS akan dapat meningkatkan tahap kesedaran dan seterusnya mencegah diskriminasi dan penstigmaan (sikap memandang aib) terhadap Orang Yang Menghidapi HIV/AIDS (PLWHA). Saya meletakkan harapan yang tinggi agar Koda Amalan ini akan membuka laluan baru bagi perjuangan kita semua menentang HIV/AIDS, terutamanya dalam konteks tempat kerja, dan dengan itu memberi sumbangan yang amat bermakna dan berharga terhadapnya. Oleh yang demikian, saya amat menggalakkan majikan dan pekerjaan menggunakan dan melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Koda Amalan ini.

DATUK DR. FONG CHAN ONN  
4 September, 2001.

## PENGHARGAAN

“Koda Amalan Tentang Pencegahan Dan Pengurusan HIV/AIDS Di Tempat Kerja” ini telah disediakan melalui kerjasama antara Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan perwakilan daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi antarabangsa termasuk UNDP, UNAIDS dan ILO.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan amat sukacita sekali ingin mengucapkan terima kasih kepada pertubuhan dan individu berikut atas sumbangan mereka yang begitu berharga semasa pendrafan Koda ini.

Wakil	Pertubuhan
1. Ir. Zainuddin Abdullah	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
2. Pn. Muaziah Abdul Rahman	JKKP
3. En. Ibrahim Abdul Rahman	JKKP
4. En. Husdin Che Amat	JKKP
5. Pn. Shabanon Mohd. Sharif	JKKP
6. Dr. Rohani Ali	Kementerian Kesihatan Malaysia
7. En. Shamsudin Bardan	Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)
8. En. Joe Selvaretnam	Majlis AIDS Malaysia (MAC)
9. En. Yee Khim Chong	MAC
10. En. Kelvin Boey	Malaysian Business Coalition on Aids (MBCA)
11. Ms. Angeline Ackermans	Joint United Nations Development Programme on HIV/AIDS (UNAIDS)
12. Ms. Tam Pham	United Nations Development Programme (UNDP)
13. Mr. Gunnar Walzholz	International Labour Organisation (ILO), Bangkok
14. En. Ahmad Mudi Onn Nor	Jabatan Buruh, Malaysia
15. En. T. Subramaniam	Jabatan Buruh, Malaysia
16. En. Abd. Aziz Ashaari	Jabatan Perkhidmatan Awam
17. En. R. Muthusamy	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
18. Pn. Jimilah bt. Harun	Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Malaysia

September, 2001

---

## JADUAL KANDUNGAN

---

KANDUNGAN	PAGE
PENDAHULUAN	1
DAFTAR ISTILAH	3
NOTA PENERANGAN	5
1. OBJEKTIF	7
2. SKOP PEMAKAIAN	7
3. MENGURUS HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA	7
4. ‘ORANG BERTANGGUNGJAWAB’ YANG DILANTIK	14
5. PERANAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	15
6. KESAKSAMAAN JANTINA	16
7. FAEDAH- FAEDAH PROGRAM HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA	16
RUJUKAN	17
SENARAI LAMPIRAN	
LAMPIRAN I - PROGRAM KAWALAN UNTUK PENCEGAHAN REBAKAN HIV/AIDS	18
APPENDIX II - SENARAI AGENSI DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERHUBUNG HIV/AIDS	22

---

## PENDAHULUAN

HIV/AIDS kini merupakan suatu krisis global yang menjadi antara cabaran terhebat terhadap pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial. HIV/AIDS ialah suatu penyakit yang tidak mengenal batas wilayah, sosial, politik atau ekonomi, yang sehingga kini masih tiada penawarnya. Ramai orang yang menghidapi HIV/AIDS merupakan penduduk negara membangun dan kadar jangkitan terus meningkat akibat kemiskinan, sistem jagaan kesihatan yang tidak baik, dan sumber yang terhad untuk pencegahan dan penjagaan orang yang djangkiti HIV/AIDS. Kebanyakan orang yang djangkiti HIV/AIDS dilaporkan sebagai berada di peringkat umur mereka yang paling produktif, iaitu antara 15 dan 49 tahun.

Selain penderitaan yang menimpa individu dan keluarga mereka, epidemik ini juga kini menggugat dengan hebatnya struktur sosial dan ekonomi di kebanyakan negara. Epidemik HIV/AIDS dijangka akan menjejaskan tempat kerja kerana tempoh sakit yang berpanjangan di kalangan kakitangan, ketidakhadiran, dan kematian, yang semuanya akan mempunyai kesan langsung terhadap produktiviti, faedah pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kos pengeluaran dan moral di tempat kerja. Peningkatan kadar pusing ganti buruh boleh mengakibatkan kumpulan tenaga buruh yang kurang berpengalaman lalu dengan itu kurang produktif. Implikasi sosial, ekonomi, etika, perundangan dan teknikal daripada jangkitan HIV/AIDS adalah luas jangkauannya. HIV/AIDS bukan sahaja menjejaskan individu yang djangkiti dan kaum keluarga mereka, malah juga menjejaskan masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Justeru, segala usaha hendaklah dibuat untuk membendungnya dan mencegah suatu epidemik tahap malapetaka daripada berlaku di negara ini.

Satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) pada tahun 2000, meliputi 154 syarikat yang mewakili julat industri yang luas, menunjukkan bahawa tahap kesedaran di kalangan majikan tentang HIV/AIDS dan potensi kesan merosaknya terhadap bidang perniagaan dan ekonomi masih sangat rendah. Pada masa ini, hanya beberapa pertubuhan atau syarikat sahaja di Malaysia yang telah merangka dasar dan program tempat kerja mereka sendiri tentang HIV/AIDS. Beberapa resolusi yang dibuat semasa seminar kebangsaan bertajuk "HIV/AIDS In The Context of the World of Work" di Hotel Hyatt Regency Saujana, Subang, pada 30 Oktober 2000, telah menyerlahkan betapa perlunya garis panduan bagi majikan serta pekerja dalam menangani isu-isu berkaitan HIV/AIDS di tempat kerja.

Koda Amalan Tentang Pencegahan Dan Pengurusan HIV/AIDS Di Tempat Kerja ini telah disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama perwakilan daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan antarabangsa termasuk United Nations Development Programme (UNDP), Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS) dan International Labour Organisation (ILO). Tujuan Koda ini ialah untuk mengurangkan rebakan HIV/AIDS dan membimbing majikan serta pekerja dalam mengurus isu-isu berkaitan HIV/AIDS di tempat kerja. Koda ini memperjelaskan prinsip-prinsip utama

dalam pengurusan HIV/AIDS yang berkesan di tempat kerja, yang akan membolehkan majikan serta pekerja bertindak balas terhadap masalah ini secara matang, bertanggungjawab, sesuai dan terlaksana dari segi ekonomi, serta proaktif. Majikan, pekerja dan pertubuhan masing-masing digalakkan supaya menggunakan Kod ini untuk merangka, melaksanakan dan dari semasa ke semasa menghalusi dasar dan program mereka supaya sesuai dan serasi dengan keperluan tempat kerja mereka.

Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Malaysia

September 2001

## DAFTAR ISTILAH

*“Acquired Immune Deficiency Syndrome” (AIDS)* ialah suatu keadaan yang mana sistem daya tahan badan kehilangan kemampuannya untuk menangkis jangkitan lalu dengan itu menjadi mudah terdedah kepada jangkitan oportunistik dan jenis-jenis barah tertentu. Keadaan ini disebabkan oleh jangkitan virus HIV.

*Benda tajam* ertinya jarum, kanula, skalpel atau mata pisau, hujung dawai pergigian, sisi alatan, pecahan barangan kaca, serpihan tulang, atau sebarang benda lain yang mungkin menembusi kulit atau membran mukus.

*Diskriminasi* ertinya sebarang pembezaan, pengecualian atau pengutamaan yang dibuat berasaskan status HIV nyata atau teranggap yang mengakibatkan tidak sah atau terjejas kesaksamaan dari segi peluang atau layanan dalam pekerjaan. Ia meliputi wujudnya kemudahan latihan, wujudnya pekerjaan dan keterjaminan pekerjaan, serta terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan. Bagaimanapun, sebarang pembezaan, pengecualian atau pengutamaan berhubung dengan sesuatu pekerjaan tertentu berasaskan keperluan yang memang sedia terdapat pada pekerjaan itu tidak dianggap sebagai diskriminasi.

*Kontrak perkhidmatan* ertinya apa-apa perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada secara nyata atau tersirat, yang menurutnya seseorang bersetuju untuk menggaji seseorang yang lain sebagai pekerja dan orang yang lain itu bersetuju untuk berkhidmat dengan majikannya sebagai pekerja, dan termasuklah suatu kontrak perantisan.

*Langkah pengawasan umum* melibatkan penggunaan biasa amalan kerja selamat dan rintangan pelindung untuk mengurangkan sebaran penyakit berjangkit.

*Majikan* ertinya pemilik sesuatu perusahaan atau orang yang dengannya seseorang pekerja telah memeterai kontrak perkhidmatan.

*Pekerja* ertinya seseorang yang diambil bekerja dengan diberi gaji di bawah kontrak perkhidmatan.

*Pekerja positif HIV* merujuk seseorang individu yang ujian antibodi HIVnya menunjukkan yang ia dijangkiti virus HIV.

*Rebakan HIV* merujuk pemindahan HIV daripada orang yang dijangkiti kepada seseorang individu yang belum dijangkiti, paling lazimnya melalui perhubungan seks tanpa perlindungan, transfusi darah, perkongsian jarum intravena dan semasa kehamilan.

*Tempat kerja* ertinya premis tempat orang bekerja.



*Tempoh Pengeraman* ialah jangkauan masa dari ketika virus memasuki badan dan berada dalam keadaan dorman, tanpa menyebabkan sebarang mudarat ketara kepada pesakit, hingga ke kemusnahan sistem daya tahan.

*Virus "Human Immunodeficiency Virus" (HIV)* merujuk kepada virus yang melemahkan sistem daya tahan badan lalu dengan itu akhirnya menyebabkan AIDS.

## NOTA PENERANGAN

### HIV dan AIDS

Virus "*Human Immunodeficiency Virus*" (HIV) menyebabkan berlakunya "*Acquired Immune Deficiency Syndrome*" (AIDS). Virus ini menyerang sistem daya tahan badan dan akhirnya menyebabkan kemusnahan dan kegagalannya untuk melindungi badan daripada pelbagai jangkitan dan kanser. Kewujudannya boleh dikesan dengan ujian antibodi HIV. HIV merebak melalui perhubungan seks tanpa perlindungan dengan pasangan yang telah dijangkiti, melalui perkongsian jarum dan picagari tercemar, melalui transfusi darah atau dengan terkena darah tercemar secara langsung. Virus ini juga boleh berjangkit daripada ibu hamil yang dijangkiti kepada bayi dalam kandungan. Sehingga kini masih belum ada penawar untuk AIDS dan setakat ini tiada vaksin yang telah terhasil untuk melindungi daripada jangkitan. Justeru, pencegahan terhadap memperoleh AIDS melalui jangkitan adalah paling penting kerana seseorang yang telah dijangkiti akan terus mempunyai jangkitan tersebut sepanjang hayatnya.

### Apa itu Jangkitan HIV?

Jangkitan HIV merujuk kepada kemasukan dan pembiakan virus *HIV* dalam badan manusia. Tempoh masa dari pendedahan kepada HIV ke bermulanya penyakit klinikal akut berjangkit dari 21 hari hingga 6 bulan. Bagaimanapun, tempoh peneraman antara 2 dan 4 minggu adalah yang paling lazim dilaporkan. Tempoh dari waktu jangkitan hingga terjadinya AIDS adalah lama. Dengan jangkitan HIV, tempoh peneraman boleh berjangkit dari 5 – 11 tahun, malah lebih lagi, dan orang yang dijangkiti itu boleh kelihatan dan merasa sihat (pembawa HIV sihat). Bagaimanapun, orang ini membawa virus dan boleh menyebarkan virus tersebut kepada orang lain. Tanda-tanda dan gejala-gejala penyakit akut pada peringkat ini adalah ruam menyerupai flu pada tubuh badan, demam, keresahan, kurang selera, penurunan berat badan, berpeluh waktu malam, pening kepala dan kelesuan kronik.

### Apa itu AIDS?

Istilah "*Acquired*" (dalam ungkapan "*Acquired Immune Deficiency Syndrome*") bererti bahawa AIDS berjangkit atau merebak daripada seseorang ke seseorang lain; dan tidak diwarisi daripada ibu bapa. Ungkapan "*Immune Deficiency*" menerangkan keadaan ketika kemampuan semula jadi badan untuk melindungi diri daripada penyakit dan jangkitan menjadi lemah, yakni daya tahan badan sebegitu berkurangan hingga tidak berupaya melindungi diri daripada jangkitan dan kanser. Istilah "*Syndrome*" menggambarkan segugus tanda-tanda dan gejala-gejala, yang terakibatkan daripada suatu sebab yang sama atau muncul secara bersama-sama untuk menunjukkan gambaran klinikal sesuatu penyakit. AIDS merupakan peringkat akhir spektrum jangkitan HIV. AIDS ialah suatu keadaan ketika HIV telah

memusnahkan sistem daya tahan seseorang sebegitu rupa hingga sistem tersebut tidak lagi berupaya melindungi badan daripada pelbagai jangkitan dan kanser oportunistik.

### **Rebakan HIV**

HIV wujud dalam segala tisu dan organ badan serta bendalir serebrospina dalam saraf tunjang dan otak orang yang dijangkiti. Bagaimanapun, ia didapati dengan banyaknya dalam darah, air mani, dan bendalir faraj orang yang dijangkiti. Ia juga telah dapat diasingkan tetapi pada jumlah yang kecil daripada air mata, air kencing, air liur, rembesan telinga, dan susu badan orang yang dijangkiti. Bagaimanapun, setakat ini, hanya darah, air mani, bendalir faraj dan susu badan sahaja yang telah disahkan terbabat dalam rebakan HIV.

Virus HIV boleh merebak melalui:

- i) Perhubungan seks tanpa perlindungan dengan pasangan yang dijangkiti yang mana terjadi pendedahan kepada air mani atau rembesan faraj atau serviks;
- ii) Jarum atau picagari tercemar yang digunakan oleh pengguna dadah menyuntik;
- iii) Darah atau produk darah tercemar daripada orang yang dijangkiti;
- iv) Daripada ibu yang dijangkiti kepada bayi dalam kandungan (rebakan prakelahiran);
- v) Organ badan tercemar, air mani atau tisu badan lain daripada penderma yang dijangkiti; dan
- vi) Kelengkapan penebuk kulit yang tercemar dan tak tersteril, seperti yang digunakan untuk menindik telinga, akupunktur, mentatu atau menanggalkan bulu.

Virus *HIV* tidak merebak melalui:

- i) sentuhan jasmani biasa;
- ii) batuk, bersin dan bercumbu;
- iii) berkongsi kemudahan tandas dan kemudahan mandi,
- iv) dengan menggunakan pinggan mangkuk atau makan atau minum makanan atau minuman yang disentuh oleh seseorang yang menghidap HIV; atau
- v) gigitan serangga seperti nyamuk atau kutu.

## 1. OBJEKTIF

Objectif Kod Amalan ini ialah:

- i. Menyediakan garis panduan kepada majikan dan pekerja tentang cara-cara yang wajar dan berkesan untuk mengurus isu-isu berkaitan HIV/AIDS di tempat kerja.
- ii. Menggalakkan pendidikan dan kesedaran tentang HIV/AIDS.
- iii. Menggalakkan persekitaran kerja yang tidak mengadili (membuat penilaian) dan mendiskriminasi.

## 2. SKOP PEMAKAIAN

Kod Amalan ini terpakai bagi semua majikan dan pekerja di mana-mana tempat kerja.

## 3. MENGURUS HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA

### 3.1. Am

3.1.1. Setiap majikan hendaklah mengamalkan langkah-langkah wajar untuk mencegah merebaknya jangkitan HIV di samping memastikan bahawa pekerja positif HIV tidak didiskriminasi. Prinsip-prinsip utama langkah-langkah ini ialah:

- i) Merangka dasar dan program HIV/AIDS di tempat kerja;
- ii) Mengadakan program pendidikan, latihan, dan kesedaran tentang HIV/AIDS;
- iii) Persekitaran kerja yang tidak mengadili (membuat penilaian) dan mendiskriminasi;
- iv) Aspek keselamatan dan kesihatan;
- v) Kerahsiaan dan privasi;
- vi) Langkah-langkah pencegahan dan kawalan;
- vii) Runding cara dan sokongan sosial; dan
- viii) Kesaksamaan jantina.

### 3.2. Merangka Dasar Tempat Kerja Tentang HIV/AIDS

3.2.1. Seseorang majikan hendaklah, secara berunding dengan pemegang taruh utama dalam lingkungan tempat kerja, termasuk tetapi tidak semestinya

terhad kepada, kesatuan sekerja atau wakil pekerja, doktor perubatan, anggota jawatankuasa keselamatan dan kesihatan, pegawai keselamatan dan kesihatan, wakil majikan, dan pekerja positif HIV (jika berkaitan), merangka dasar dan prosedur yang tekal tentang HIV/AIDS di tempat kerja. Dasar ini hendaklah menggariskan tanggungjawab majikan dan pekerja dan hendaklah mencerminkan sifat dan keperluan tempat kerja itu sendiri dalam menangani isu-isu berhubung HIV/AIDS di tempat kerja. Dasar tersebut hendaklah:

- i) disampaikan kepada semua pihak yang berkenaan dengan bahasa yang mudah, jelas dan tidak samar;
- ii) sentiasa disemak dan dikemas kini sejajar dengan maklumat epidemiologi dan maklumat saintifik lain;
- iii) dipantau dari segi keberjayaan pelaksanaannya; dan
- iv) dinilai dari segi keberkesannya.

### **3.3. Tanggungjawab Majikan**

#### **3.3.1. Iltizam Majikan**

Sesuatu dasar tempat kerja tentang HIV/AIDS hendaklah mentakrifkan pendirian dan amalan majikan berhubung isu-isu HIV/AIDS di tempat kerja. Suatu dasar bertulis hendaklah menyatakan dengan jelas iltizam majikan terhadap mencegah rebakan virus HIV serta diskriminasi dan stigmatisasi terhadap pekerja positif HIV di tempat kerja.

#### **3.3.2. Program Penerangan, Pendidikan dan Latihan**

Majikan hendaklah menyediakan program penerangan, latihan dan pendidikan berhubung HIV/AIDS dan langkah-langkah pencegahan kepada pekerja mereka dengan hasrat menggalakkan kesedaran agar mencegah rebakan penyakit serta diskriminasi dan penstigmaan (memandang aib) terhadap pekerja positif HIV. Maklumat dan pendidikan sedemikian hendaklah menjadi sebahagian utama program pembangunan dan induksi pekerja serta hendaklah diperolehi oleh semua pekerja.

#### **3.3.3. Aspek Keselamatan dan Kesihatan**

Majikan hendaklah menyediakan dan menyenggarakan, setakat yang terlaksanakan, suatu persekitaran kerja yang selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan pekerjanya. Setiap tempat kerja hendaklah memastikan bahawa

dasarnya menangani:

- i) Risiko, jika terdapat, bagi rebakan HIV melalui aktiviti pekerjaan dalam lingkungan tempat kerja itu sendiri;
- ii) Pendidikan, latihan dan kesedaran yang wajar tentang pemakaian prosedur kawalan jangkitan umum untuk mengurangkan risiko rebakan HIV di tempat kerja;
- iii) Menyediakan kelengkapan dan bahan yang wajar untuk melindungi pekerja daripada risiko pendedahan kepada HIV;
- iv) Langkah-langkah yang mesti diambil berikutan sesuatu kemalangan pekerjaan termasuk pengurusan wajar bagi pendedahan semasa bekerja kepada HIV; dan
- v) Prosedur melapor kemalangan pekerjaan yang berkait dengan pendedahan kepada HIV.

#### 3.3.4. Amalan Pekerjaan Yang Tidak Mengadili dan Tidak Mendiskriminasi

Seseorang majikan hendaklah memastikan bahawa:

- i) Amalan pekerjaan hendaklah berasaskan bukti saintifik dan bukti epidemiologi bahawa orang yang menghidap HIV/AIDS tidak menimbulkan risiko rebakan virus kepada rakan sekerja melalui hubungan biasa di tempat kerja;
- ii) Status positif HIV tidak boleh menjadi kriteria tunggal untuk membatalkan kelayakan daripada sebarang bentuk pekerjaan.
- iii) Pekerja positif HIV hendaklah berhak untuk terus bekerja selama mereka berupaya bekerja dan selama mereka tidak menimbulkan sebarang bahaya kepada diri mereka sendiri, rakan sekerja mereka dan individu lain di tempat kerja;
- iv) Prosedur untuk penamatan perkhidmatan atas dasar perubahan untuk pekerja positif HIV hendaklah sama dengan pekerja yang menghidap penyakit lain.
- v) Tindakan disiplin hendaklah diambil terhadap mana-mana pekerja yang mendiskriminasi atau menstigma pekerja positif HIV atau disangka sebagai positif HIV.

### 3.3.5. Kerahsiaan dan Privasi

Seseorang majikan hendaklah memastikan bahawa pekerja positif HIV tidak dikehendaki mendedahkan status HIVnya kepada majikan atau sesiapa pun di tempat kerja. Dalam keadaan yang mana pekerja perlu mendedahkan status HIVnya, kerahsiaan dan privasi berkaitan segala maklumat perubatan berhubung status HIVnya hendaklah dipastikan sentiasa terjaga sepanjang masa.

### 3.3.6. Penyaringan HIV/Pengujian Antibodi HIV

Majikan tidak harus mengamalkan penyaringan atau pengujian antibodi HIV wajib sebagai prasyarat untuk pengambilan bekerja, kenaikan pangkat, atau faedah pekerja yang lain.

## 3.4. Tanggungjawab Pekerja

- a. Seseorang pekerja positif HIV hendaklah bertindak secara bertanggungjawab supaya tidak mendedahkan rakan sekerja mereka kepada risiko tidak perlu dengan mengambil langkah-langkah pengawasan sewajarnya untuk mencegah rebakan virus.
- b. Pekerja positif HIV hendaklah digalakkan supaya memaklumkan kepada majikan akan status HIV mereka jika pekerjaan atau aktiviti kerjanya menimbulkan potensi risiko rebakan HIV.
- c. Semua pekerja hendaklah memberi kerjasama penuh dan menyertai semua program HIV/AIDS.
- d. Pekerja tidak harus mendiskriminasi atau menstigmakan (memandang aib) rakan sekerja yang positif HIV. Tindakan disiplin hendaklah diambil terhadap mana-mana pekerja yang mendiskriminasi atau menstigmakan rakan sekerja yang positif HIV atau disangka positif HIV.
- e. Setiap pekerja hendaklah mematuhi segala arahan dan prosedur tentang langkah-langkah kawalan yang diamalkan oleh majikan, yang meliputi tetapi tidak semestinya terhad kepada memakai atau menggunakan sebarang kelengkapan atau pakaian pelindung untuk tujuan mencegah risiko pendedahan dan rebakan.

### 3.5. Merangka Program HIV/AIDS Di Tempat Kerja

#### 3.5.1. Am

- (a) Seseorang majikan, dalam merangka dan melaksana program HIV/AIDS di tempat kerja, hendaklah berusaha ke arah:
  - i) Menggalakkan pendidikan dan kesedaran di kalangan majikan dan pekerja tentang HIV/AIDS;
  - ii) Menghasilkan suatu persekitaran yang bersifat memahami terhadap pekerja positif HIV agar mengelakkan diskriminasi dan penstigmaan (memandang aib);
  - iii) Mencegah rebakan serta menyediakan jagaan dan sokongan kepada pekerja yang dijangkiti atau terjejas oleh HIV/AIDS; dan
  - iv) Mengurus kesan HIV/AIDS terhadap organisasi.
- (b) Seseorang majikan hendaklah berpandukan keperluan dan keupayaan tempat kerjanya dalam menetapkan sifat dan jangkauan program HIV/AIDS di tempat kerja. Komponen utama program HIV/AIDS di tempat kerja bolehlah meliputi perkara berikut:
  - i) Pendidikan, latihan, dan kesedaran;
  - ii) Langkah pencegahan dan kawalan;
  - iii) Langkah kecemasan dan pertolongan cemas; and
  - iv) Runding cara dan sokongan sosial.

#### 3.5.2. Program Pendidikan, Latihan dan Kesedaran

- i) Seseorang majikan hendaklah melaksanakan program pendidikan, latihan dan kesedaran di tempat kerja bagi menentang rebakan penyakit dan meningkatkan tolak ansur terhadap pekerja positif HIV. Pendidikan yang berkesan boleh menyumbang kepada keupayaan pekerja untuk melindungi mereka daripada jangkitan HIV, mengurangkan keresahan dan penstigmaan (sikap memandang aib) berhubung HIV, mengurangkan gangguan di tempat kerja, dan menghasilkan perubahan sikap dan tingkah laku.
- ii) Seseorang majikan hendaklah merangka program secara rundingan dengan pekerja dan perwakilan mereka, dan bila mana wajar, melibatkan



memastikan sokongan di peringkat tertinggi dan penyertaan sepenuh mungkin oleh semua pihak yang terlibat. Program hendaklah berasaskan pada maklumat yang betul dan kemas kini tentang bagaimana HIV/AIDS boleh dan tidak boleh merebak, fakta dan mitos tentang HIV/AIDS, kesan HIV/AIDS pada individu, dan kemungkinan untuk menyediakan jagaan dan meredakan gejala-gejala penyakit. Program hendaklah:

- bersepadu dengan program pendidikan dan program sumber manusia yang sedia ada, di samping keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
  - dijalankan sebagai sebahagian daripada program orientasi atau induksi untuk pekerja baru;
  - diulang secara tetap dan berterusan kepada pekerja;
  - berkait dengan aktiviti kerja di tempat kerja; dan
  - dipantau, dinilai, dikaji semula dan disemak secara tetap sebagaimana perlu.
- iii) Pekerja hendaklah juga disediakan dengan maklumat dan arahan asas yang diselaraskan supaya meningkatkan kefahaman tentang isu-isu berhubung HIV/AIDS, yang hendaklah meliputi tetapi tidak semestinya terhad kepada tajuk-tajuk berikut:
- Dasar, amalan atau garis panduan organisasi berhubung HIV/AIDS;
  - Langkah-langkah pengawasan umum;
  - Penggunaan prosedur kerja selamat;
  - Keperluan tentang kerahsiaan dan privasi berkaitan dengan keadaan perubahan seseorang pekerja;
  - Di mana maklumat rahsia (sulit) tambahan boleh didapati; dan
  - Sikap terhadap pekerja positif HIV.

### 3.5.3. Langkah Pencegahan dan Kawalan

- i) Seseorang majikan hendaklah memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, termasuk langkah-langkah pengawasan umum seperti penyediaan kelengkapan pelindung dan pertolongan cemas.
- ii) Seseorang majikan hendaklah mengenal pasti pekerjaan dan aktiviti kerja di tempat kerjanya yang menimbulkan risiko rebakan HIV terhadap pekerja. Jika terdapat potensi risiko pendedahan kepada HIV, majikan hendaklah merangka program pencegahan dan kawalan yang sesuai dengan tempat kerja mereka untuk mengurangkan risiko. Program hendaklah meliputi tetapi tidak semestinya terhad kepada kaedah berikut (bila mana terpakai):

- Menghapuskan amalan kerja yang melibatkan pendedahan yang tidak perlu;
  - Mengurangkan risiko melalui penggantian, reka bentuk semula proses, atau pembaikan kaedah kerja, misalnya sistem intravena bebas jarum;
  - Pengasingan proses untuk mengurangkan bilangan pekerja yang terdedah, misalnya mengendalikan produk darah di dalam makmal, atau menggunakan sistem pelupusan sisa klinikal;
  - Amalan kerja selamat;
  - Penerangan dan latihan;
  - Tahap kekemasan tempat kerja yang baik;
  - Pengurusan sisa; dan
  - Kelengkapan pelindung diri.
- iii) Dalam pekerjaan atau aktiviti kerja yang mana boleh terdapat potensi risiko pendedahan terhadap HIV, majikan hendaklah menyediakan program pendidikan dan latihan yang khusus di samping kelengkapan yang perlu untuk memperkukuh prosedur kawalan jangkitan yang sewajarnya, dan memastikan ini dilaksanakan. Butir-butir program kawalan diberikan di Lampiran I.

#### 3.5.4. Program Kecemasan dan Pertolongan Cemas

- i) Seseorang majikan, secara rundingan dengan profesional perubatan yang arif dengan HIV/AIDS, hendaklah merangka program untuk mengurus pekerja yang terdedah kepada darah atau bendalir badan semasa bekerja. Program ini hendaklah meliputi prosedur untuk:
- Melaporkan kepada 'orang yang dilantik' kemalangan yang mana terdapat pendedahan kepada darah atau bendalir badan. 'Orang yang dilantik' seterusnya akan menjalankan penyiasatan dan menyimpan rekod berhubung kemalangan tersebut; dan
  - Merujuk segera kepada seorang doktor seseorang pekerja yang menghadapi risiko pendedahan kepada HIV supaya menilai risiko rebakan dan membincangkan pilihan untuk pengujian, runding cara dan rawatan.
- ii) Seseorang majikan hendaklah memastikan bahawa prosedur kecemasan dan pertolongan cemas untuk pengurusan pendarahan dan resusitasi kardiopulmonari (CPR) kepada mangsa kemalangan merangkumi langkah-langkah pengawasan untuk mengelakkan risiko rebakan HIV.

### 3.5.5. Runding Cara dan Sokongan Sosial

- i) Seseorang majikan hendaklah mengadakan mekanisme untuk menggalakkan keterbukaan, penerimaan, dan sokongan terhadap pekerja yang sanggup mendedahkan status HIV mereka secara suka rela, yang harus meliputi tetapi tidak semestinya terhad kepada:
  - Menggalakkan orang yang menghidap HIV/AIDS supaya terlibat dengan program pendidikan dan kesedaran;
  - Memastikan bahawa tiada diskriminasi atau penstigmaan (sikap memandang aib) terhadap pekerja positif HIV; dan
  - Menggalakkan penubuhan kumpulan sokongan bagi pekerja positif HIV.
- ii) Seseorang majikan hendaklah, bila mana terpakai, menyediakan khidmat dan kemudahan runding cara di tempat kerja. Jika ini tidak mungkin, maka majikan hendaklah menggalakkan pekerja supaya memanfaatkan kepakaran dan bantuan luar untuk mendapatkan runding cara, dengan menyediakan maklumat tentang profesional, kumpulan bantu diri, dan perkhidmatan dalam lingkungan masyarakat tempatan atau serantau, yang pakar dalam perkara berhubung HIV/AIDS dan rawatan HIV/AIDS. Beberapa agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (*NGO*) yang menyediakan khidmat sedemikian tersenarai di Lampiran II.
- iii) Seseorang perunding di tempat kerja yang dilantik oleh majikan hendaklah berkeupayaan untuk::
  - Memberi runding cara tentang HIV/AIDS;
  - Membina hubungan beramanah dengan pekerja yang menerima runding cara; dan
  - Mengenal pasti dan menawarkan penyelesaian kepada masalah peribadi serta masalah berhubung kerja.

## 4. “ORANG BERTANGGUNGJAWAB” YANG DILANTIK

- 4.1. Seseorang majikan hendaklah melantik seorang “Orang Bertanggungjawab” di tempat kerja untuk menangani isu-isu berhubung HIV/AIDS. Identiti (nama) “Orang Bertanggungjawab” ini hendaklah dimaklumkan kepada semua pekerja. “Orang Bertanggungjawab” yang dilantik mestilah menghadiri latihan sewajarnya berhubung HIV/AIDS. Tugas-tugas “Orang Bertanggungjawab” ini haruslah meliputi tetapi tidak semestinya terhad kepada:

- i) Menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar dan program HIV/AIDS;
- ii) Menjadi pakar rujuk bagi pendidikan dan latihan serta sebarang program lain berhubung HIV/AIDS di tempat kerja;
- iii) Menjadi perunding cara di tempat kerja jika layak atau berkeupayaan;
- iv) Menyiasat dan menyimpan rekod bagi sebarang kemalangan yang melibatkan pendedahan kepada darah;
- v) Menjaga kerahsiaan identiti pekerja positif HIV; dan
- vi) Menilai dan melaporkan kemajuan program HIV/AIDS kepada pihak pengurusan.

## **5. PERANAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (jika berkenaan)**

5.1. Seseorang majikan hendaklah menggalakkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan (jika berkenaan) supaya membantu majikan dalam pelaksanaan dasar dan program HIV/AIDS. Pekerja positif HIV hendaklah dijemput menghadiri perbincangan tentang pelaksanaan dasar dan program HIV/AIDS. Peranan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan hendaklah meliputi tetapi tidak semestinya terhad kepada:

- Perangkaan, pelaksanaan dan kajian semula dasar dan program tentang HIV/AIDS;
- Siasatan sebarang kemalangan yang berkait dengan pendedahan kepada darah;
- Mengsyorkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan untuk mengurangkan risiko rebakan; dan
- Membincangkan sebarang aduan yang berkait dengan isu-isu HIV/AIDS.

Supaya jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dapat melaksanakan peranan mereka dengan baik, anggota jawatankuasa hendaklah diberi latihan dalam pengurusan HIV/AIDS.

## 6. KESAKSAMAAN JANTINA

6.1. Seseorang majikan seharusnya mengamalkan kesaksamaan jantina ditempat kerja supaya memastikan bahawa semua pekerja mampu menangani isu-isu berhubung HIV/AIDS. Amalan ini seharusnya meliputi tetapi tidak terhad kepada perkara berikut;

- i) Kemudahan untuk mendapatkan maklumat tentang HIV/AIDS
- ii) Peluang sama rata untuk menghadiri latihan tentang HIV/AIDS
- iii) Tiada diskriminasi kepada pekerja berdasarkan jantina
- iv) Peluang sama rata untuk mendapatkan pekerjaan atau kenaikan pangkat; dan
- v) Faedah pekerjaan dan sokongan sosial yang sama rata.

## 7. FAEDAH-FAEDAH PROGRAM HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA

7.1. Seseorang majikan hendaklah menyedari bahawa satu kesan utama HIV/AIDS di tempat kerja yang dijangka berlaku ialah potensi kehilangan kakitangan dan buruh mahir akibat sakit berpanjangan, ketidakhadiran, dan kematian, yang akan menjejaskan produktiviti, faedah pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kos pengeluaran dan moral di tempat kerja. Dengan majikan memainkan peranan mereka secara proaktif untuk merancang dan merangka program HIV/AIDS di tempat kerja akan mencerminkan tindak balas majikan terhadap penyakit ini. Pelaksanaan program ini akan membantu:

- Mengurangkan rasa takut di kalangan pekerja;
- Memberikan maklumat tepat tentang HIV/AIDS;
- Mencegah gangguan kerja;
- Memastikan tenaga kerja yang sihat; dan
- Mengurangkan diskriminasi dan penstigmaan (sikap memandang aib).

7.2. Seseorang majikan hendaklah mengakui bahawa HIV/AIDS merupakan suatu isu tempat kerja, lalu di anggap sebagai sebarang penyakit serius lain di tempat kerja. Ini perlu bukan hanya kerana HIV/AIDS menjejaskan seluruh kumpulan tenaga kerja, tetapi juga kerana tempat kerja, yang merupakan sebahagian utama daripada masyarakat tempatan, mempunyai peranan amat ketara yang harus dimainkan dalam perjuangan yang lebih luas untuk membendung rebakan dan kesan masalah ini.

## RUJUKAN

1. "A Human Rights Approach to AIDS Prevention at Work", The Southern African Development Community's Code on HIV/AIDS and Employment, UNAIDS Best Practice Collection, Geneva, June 2000.
2. "HIV/AIDS in the World of Work: Overview for South East Asia" Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Thailand, 2000.
3. "HIV/AIDS Programmes in Private Sector Businesses" oleh Anthony Pramualratana dan Bill Rau, Thailand Business Coalition on AIDS, 2000.
4. "Human Immuno-Deficiency Virus (HIV)/Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) in the Context of Employment Law", kertas kerja yang dibentang oleh En. Wahab Salleh, Jabatan Buruh, di seminar kebangsaan bertajuk "HIV/AIDS in the Context of World of Work", di hotel Hyatt Saujana, Subang, 31 Oktober 2000.
5. "The HIV Epidemic in Malaysia", kertas kerja yang dibentang oleh Dato' Dr. Faisal Hj. Ibrahim, Unit AIDS/STD, Kementerian Kesihatan Malaysia, di seminar kebangsaan bertajuk "HIV/AIDS in the Context of World of Work", di hotel Hyatt Saujana, Subang, 31 Oktober 2000.
6. "The Business Response to HIV/AIDS: Innovation & Partnership", The Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS) dan The Prince of Wales Business Leaders Forum, Geneva dan London, 1997.
7. "Global Programme on AIDS, Statement from The Consultation on AIDS and the Workplace", Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara bersekutu dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Geneva, 1988.
8. Code of Good Practice on Key Aspects of HIV/AIDS and Employment (draft), Jabatan Buruh, Department of Labour, Pretoria, Afrika Selatan, 2000.
9. The National Code of Practice for Health Care Workers and Other People at Risk of the Transmission of Human Immunodeficiency Virus and Hepatitis B in the Workplace, National Occupational Health and Safety Commission, Commonwealth of Australia, November 1999. Laman web: <http://www.worksafe.gov.au>
10. Code of Practice on the Management of HIV/AIDS and Hepatitis at the Workplace, WorkSafe Western Australia. Laman web: <http://www.safetyline.wa.gov.au>
11. Code of Practice on HIV/AIDS and the World of Work, ILO, Geneva, 2001.
12. Human Resource Manual, "HIV/AIDS in the Workplace", Government of the Northwest Territories, Canada, 1997. Laman web: <http://www.gov.nt.ca>
13. Resource Manual for Managers, Thailand Business Coalition on AIDS.
14. Handbook for Management of HIV and AIDS in the Workplace, Thailand Business Coalition on AIDS.
15. Undang-Undang Malaysia: Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).
16. Undang-undang Filipina: AIDS Prevention and Control Act 1988.

LAMPIRAN I

**PROGRAM KAWALAN BAGI PENCEGAHAN REBAKAN HIV/AIDS**

Majikan hendaklah merangka program kawalan empat peringkat untuk mencegah rebakan HIV/AIDS di tempat kerja.

**1. PERINGKAT PERTAMA: PENGENALPASTIAN RISIKO**

- a. Tujuan pengenalpastian risiko ialah untuk mengenal pasti aktiviti dan tugas di tempat kerja, yang membuat pekerja terdedah kepada risiko rebakan HIV. Ini boleh dilakukan melalui:
  - i) Rundingan dengan pekerja;
  - ii) Pemerhatian tempat kerja secara langsung; dan
  - iii) Penganalisan laporan pendedahan.
- b. Proses pengenalpastian risiko melibatkan usaha mengenal pasti dan menyusun, mengikut keutamaan, aktiviti atau tugas yang memerlukan tindakan untuk mengurangkan risiko rebakan HIV. Jika sesuatu risiko kepada kesihatan dan keselamatan dikenal pasti, penaksiran risiko hendaklah dijalankan.

**2. PERINGKAT KEDUA: PENAKSIRAN RISIKO**

- a. Tujuan penaksiran risiko ialah untuk menilai tahap risiko keselamatan dan kesihatan kepada pekerja yang timbul daripada pendedahan kepada darah di tempat kerja, dan menentukan langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan risiko tersebut:
- b. Penaksiran risiko hendaklah meliputi pertimbangan:
  - i) Sifat risiko – mempertimbangkan cara rebakan HIV/AIDS yang mungkin berlaku di tempat kerja;
  - ii) Kekerapan pendedahan kepada darah;
  - iii) Bagaimana pekerja terdedah kepada risiko;
  - iv) Risiko pendedahan yang berkait dengan susun atur tempat kerja dan amalan kerja semasa;
  - v) Potensi kesan kesihatan setiap risiko;

LAMPIRAN I

- vi) Penaksiran tahap pengetahuan dan latihan majikan, penyelia dan pekerja berhubung HIV/AIDS;
- vii) Penaksiran perubatan;
- viii) Cukupnya dan perlunya langkah-langkah kawalan – penaksiran kesesuaian kelengkapan untuk tugas yang melibatkan penggunaannya, sama ada penggunaan kelengkapan tersebut mungkin mengakibatkan pendedahan kepada darah; dan penaksiran perlunya langkah-langkah kawalan.

**3. PERINGKAT KETIGA: KAWALAN RISIKO**

- a. Tujuan kawalan risiko ialah untuk mengurangkan pendedahan pekerja kepada HIV/AIDS di tempat kerja.
- b. Kawalan risiko boleh dicapai dengan menggunakan hierarki kawalan risiko, dalam keadaan yang mana ini didapati wajar:
  - i) **Penghapusan-**  
Amalan kerja yang berkait dengan pendedahan kepada risiko HIV/AIDS yang telah ditaksir sebagai tidak perlu hendaklah dihapuskan;
  - ii) **Penggantian-**  
Dalam keadaan yang mana penghapusan tidak terlaksanakan, majikan hendaklah menggantikan amalan kerja dengan amalan sesuai yang menimbulkan risiko pendedahan yang kurang daripadanya;
  - iii) **Kawalan Kejuruteraan-**  
Kawalan Kejuruteraan mungkin meliputi pengasingan proses, pelingkungan proses, penggunaan kelengkapan mekanikal atau automasi, atau pengubahsuaian alat dan kelengkapan;
  - iii) **Amalan Kerja Selamat-**  
Majikan hendaklah memastikan bahawa amalan kerja selamat wujud untuk mengurangkan pendedahan kepada darah, yang meliputi kebersihan diri, langkah-langkah pengawasan umum, dan program kawalan jangkitan. Jika kemalangan berlaku di tempat kerja, majikan hendaklah mengadakan prosedur untuk pertolongan cemas.



LAMPIRAN I

**iv) Maklumat dan Latihan-**

Maklumat dan latihan yang membolehkan majikan untuk:

- Memastikan bahawa pekerja yang menghadapi risiko maklum mengenai rebakan HIV/AIDS;
- Menjangka dan mengenalpasti keadaan yang mana pekerja mungkin terdedah kepada HIV/AIDS;
- Melaksanakan langkah-langkah pengawasan umum serta dasar dan amalan tempat kerja;
- Menyedari kewajipan mereka mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Melaporkan sebarang kejadian yang mana ada kemungkinan telah berlaku pendedahan kepada HIV; dan
- Mengetahui di mana tempatnya untuk merujuk pekerja bagi mendapatkan runding cara dan sokongan apabila mereka mempunyai kebimbangan tentang pendedahan.

Serta Maklumat dan latihan yang membolehkan pekerja untuk:

- Memahami cara-cara rebakan HIV;
- Menjangka dan mengenal pasti keadaan-keadaan bila mana mereka boleh terdedah kepada HIV;
- Mengikuti langkah-langkah pengawasan umum dan amalan tempat kerja yang lain;
- Menggunakan dan mengendalikan kelengkapan dan kelengkapan pelindung diri;
- Menyedari kewajipan mereka di sisi undang-undang berhubung keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
- Melaporkan dengan segera dan tepat kepada orang yang dikenal pasti di tempat kerja akan sebarang pendedahan kepada darah.

**v) Kelengkapan pelindung diri-**

Kelengkapan pelindung diri yang sesuai hendaklah diadakan untuk melindungi pekerja daripada pendedahan kepada HIV/AIDS.

**4. PERINGKAT KEEMPAT: PEMONITORAN DAN PENILAIAN**

Majikan hendaklah sentiasa memantau, menilai amalan kerja dan memastikan tindakan diambil untuk mengubah suai amalan kerja yang berkenaan jika perlu. Perkara berikut hendaklah dipertimbangkan:

LAMPIRAN I

- i) Keberkesanan dasar dan amalan tempat kerja;
- ii) Tahap pematuhan terhadap langkah-langkah pengawasan umum;
- iii) Keberkesanan program penerangan dan latihan;
- iv) Sebab-sebab pendedahan kepada risiko HIV/AIDS;
- v) Penilaian terhadap penyualan untuk mendapatkan maklum balas (*debriefing*) tentang kejadian; dan
- vi) Keberkesanan langkah-langkah susulan selepas pendedahan.

Seorang atau sekumpulan orang yang dikenal pasti hendaklah ada di tempat kerja untuk menjalankan pemantauan dan penilaian. Identiti orang atau kumpulan ini hendaklah dimaklumkan kepada semua pekerja.

(Diambil daripada bahan cetakan National Occupational Health and Safety Commission (Australia), bertajuk "The National Code of Practice for Health Care Workers and Other People at Risk of the Transmission of Human Immunodeficiency Virus and Hepatitis B")

## SENARAI AGENSI DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERHUBUNG HIV/AIDS

- **Majlis AIDS Malaysia (MAC)** ialah satu pertubuhan bukan mencari untung (*NPO*) yang menyelaraskan aktiviti 32 pertubuhan bukan kerajaan (*NGO*) yang bergabung di bawahnya, yang bergiat dalam kegiatan pendidikan, jagaan dan sokongan berhubung AIDS untuk Orang Yang Menghidapi HIV/AIDS (*PLWHA*). Pertubuhan ini menjalankan pelbagai program yang bertujuan untuk membantu mencegah rebakan Malaysia. *MAC* merupakan saluran untuk menjalankan hubungan antara pihak kerajaan dan pihak *NGO* dalam advokasi HIV/AIDS dan usaha lain yang berkaitan, yang melaluinya kerajaan menyalurkan bantuan kewangan. Program, aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan oleh *MAC* dan anggota gabungannya tergolong ke dalam tiga bidang utama, iaitu:
  - Latihan dan pendidikan
  - Kempen AIDS umum
  - Rawatan, jagaan dan sokongan

### Pertubuhan yang bergabung di bawah Majlis AIDS Malaysia

#### 1. AIDS Action and Research Group (AARG)

AARG terdiri daripada pensyarah dan kakitangan Universiti Sains Malaysia, Penang. Aktiviti yang dijalankan termasuk kempen kesedaran, seminar/bengkel, kursus latihan, penyelidikan dan runding cara yang memenuhi keperluan masyarakat di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Tel: 04-860 3356

E-mail: [aargusm@po.jaring.my](mailto:aargusm@po.jaring.my)

#### 2. All Women's Action Society (AWAM)

Program utama ialah mendidik dan meningkatkan kesedaran serta melobi tentang isu keganasan rumah tangga. Dalam lingkungan Jawatankuasa Wanita dan Kesihatannya, tumpuannya ialah wanita dan AIDS. Sekali sekala, AWAM menganjurkan forum awam mengenai HIV/AIDS.

Tel: 03-7957 0221

E-mail: [awam@po.jaring.my](mailto:awam@po.jaring.my)

#### 3. Association of Malaysian Medical Assistants (AMMA)

AMMA menganjurkan ceramah/seminar/bengkel HIV/AIDS untuk anggotanya dan juga pihak awam.

Tel: 03-2690 5050

E-mail: [perumal@tm.net.my](mailto:perumal@tm.net.my)

LAMPIRAN II

**4. Majlis Peguam Malaysia**

Majlis Peguam Malaysia bergiat dalam isu HIV/AIDS melalui penglibatannya dengan Jawatankuasa Kecil Undang-Undang dan Etika di bawah Majlis AIDS Malaysia, Klinik Bantuan Guaman dan melalui peguam individu yang bergiat cergas berhubung isu HIV/AIDS.

Tel: 03-2691 1366/698/367/512/312

E-mail: [chackov@pd.jaring.my](mailto:chackov@pd.jaring.my)

**5. Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)**

BMSM menganjurkan seminar/bengkel HIV/AIDS asas dengan tujuan memperkukuh kefahaman masyarakat Buddha tentang pandemik HIV/AIDS. Mereka juga menganjurkan sesi tentang diskriminasi terhadap Orang Yang Menghidapi HIV/AIDS (PLWHA) dan bagaimana BMSM dapat membantu mereka.

Tel: 03-2274 1886

**6. Community AIDS Service Penang (CASP)**

CASP terlibat dengan pendidikan awam, runding cara, latihan sukarelawan, usaha menghulur bantuan, sokongan dsb. (*outreach work*) terhadap pekerja seks, penyediaan sokongan emosi/psikologi kepada Orang Yang Menghidapi HIV/AIDS (PLWHA) melalui rancangan "Buddy Programme", dan banyak lagi aktiviti lain. Kegiatan disasarkan ke negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia. CASP juga menganjurkan Hari AIDS Sedunia sebagai suatu peristiwa utama setiap tahun untuk menghebahkan serta mengumpulkan sokongan untuk kegiatan HIV/AIDS mereka.

Tel: 04-229 9566/7412

E-mail: [casp@tm.net.my](mailto:casp@tm.net.my)

**7. Federation of Family Planning Associations Malaysia (FFPAM)**

Penglibatan FFPAM meliputi penghasilan Modul "AIDS/STD untuk Pendidikan Hidup Berkeluarga". Seminar/bengkel/kem belia yang disasarkan untuk belia dan orang awam merangkumi pesanaran gaya hidup sihat serta meliputi pendidikan HIV/AIDS. Ia juga menyediakan maklumat tentang HIV/AIDS di pejabat cawangan negeri melalui klinik belia dan pusat nasihat belia.

Tel: 03-5633 7514/516/528

E-mail: [ffpam@po.jaring.my](mailto:ffpam@po.jaring.my)

**8. Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM)**

IMAM, yang terdiri daripada para doktor, jururawat, paramedik, dan penuntut perubatan, telah menubuhkan sebuah rumah persinggahan bernama "Rumah Soleha" untuk wanita positif HIV pada Jun 1998. Ia

## LAMPIRAN II

berhasrat menyediakan bantuan dan tempat perlindungan sementara untuk wanita positif HIV yang telah diabaikan oleh keluarga mereka.

Tel: 03-712 2692

E-mail: [abdhaq@pl.jaring.my](mailto:abdhaq@pl.jaring.my)

**9. Malaysian CARE**

Malaysian CARE menyediakan khidmat jagaan dan sokongan untuk pengguna dadah melalui Perkhidmatan Pemulihan Dadah dan Penjara, di samping Pusat Singgah (*Drop-in Centre*) mereka. Usaha menghulur bantuan, sokongan dsb. (*outreach work*) dijalankan di penjara, jalan raya dan pusat pemulihan dadah. Penyebaran maklumat oleh Malaysian CARE meliputi dimensi keruhanian dan pendidikan.

Tel: 03-456 8715/03-795 4541

E-mail: [mcare@po.jaring.my](mailto:mcare@po.jaring.my)

**10. Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism**

Sejak 1995, Majlis ini telah menganjurkan beberapa seminar/bengkel HIV/AIDS kebangsaan dengan tujuan mendidik dan membina kesedaran. Isu/tajuk berhubung HIV/AIDS dibincangkan/dibentangkan dalam konteks perspektif agama masing-masing.

Tel: 03-206 6472

**11. Malaysian Dental Association (MDA)**

MDA terlibat dengan aktiviti pendidikan di kalangan anggotanya. Ia menganjurkan sesi penyampaian maklumat terkini untuk doktor pergigian, jururawat pergigian, dan pembantu bedah pergigian. Melalui cawangannya di utara, selatan dan pantai timur Semenanjung Malaysia, beberapa seminar/bengkel HIV/AIDS telah dianjurkan untuk mendidik masyarakat bidang pergigian..

Tel: 03-255 1532

E-mail: [mda@po.jaring.my](mailto:mda@po.jaring.my)

**12. Malaysian Indian Youth Club Council (MIYC)**

MIYC menganjurkan seminar/bengkel kesedaran HIV/AIDS di kawasan pinggir Kuala Lumpur, seperti Sepang, Ampang, Kajang, Cheras, Bangi dll. Kumpulan sasaran kebanyakannya ialah belia daripada maktab/sekolah/institusi pengajian tinggi dll.

Tel: 03-494 9414

E-mail: [miyhq@hotmail.com](mailto:miyhq@hotmail.com)

**13. Malaysian Medical Association (MMA)**

Kegiatan MMA bertumpu pada mendidik masyarakat bidang perubatan dan menyampaikan maklumat terkini kepada mereka tentang kemajuan terbaru

LAMPIRAN II

dalam HIV/AIDS, seperti berhubung epidemiologi, diagnosis klinikal, ubat terbaru dll.

Tel: 03-4042 0617/ 4043 1743

E-mail: [mma@tm.net.my](mailto:mma@tm.net.my)

**14. Malaysian Mental Health Association (MMHA)**

MMHA terlibat dengan pendidikan, meningkatkan kesedaran dan runding cara tentang HIV/AIDS, yang meliputi usaha menganjurkan kem pembangunan dan kembara remaja dengan objektif membantu remaja menghayati gaya hidup sihat.

Tel: 03-792 5499/ 793 5432

E-mail: [mmha@tm.net.my](mailto:mmha@tm.net.my)

**15. Malaysian Red Crescent Society (MRCS)**

MRCS terlibat dalam menggalakkan penglibatan belia, pemimpin belia dan anggota persatuan seluruhnya. Salah satu daripada programnya, iaitu "Program Remaja Sihat dan Sejahtera", bertujuan membina sebilangan pendidik kelompok setara (*peer group educator*) daripada cawangannya di seluruh Malaysia.

Tel: 03-457 8122

E-mail: [mrcs@po.jaring.my](mailto:mrcs@po.jaring.my)

**16. Malaysian Youth Council (MYC)**

MYC menggalakkan penglibatan kaum belia dalam kerja kemasyarakatan. Maklumat HIV/AIDS disebarikan melalui pelbagai aktiviti.

Tel: 03-973 2761/ 63

E-mail: [mbm97@po.jaring.my](mailto:mbm97@po.jaring.my)

**17. National Council of Women's Organisations (NCWO)**

Projek NCWO termasuk menganjurkan bengkel untuk pemimpin wanita di peringkat negara dan daerah, persidangan tentang wanita serta memungut wang tabung untuk aktiviti pendidikan untuk wanita dan HIV/AIDS.

Tel: 03-2692 8696

**18. National Therapy Centre (NTC) – AIDS Service Centre**

Perkhidmatan yang disediakan oleh NTC termasuk rawatan alternatif, runding cara, ceramah dan kursus tentang HIV/AIDS.

Tel: 03-782 0996

E-mail: [karsim@pc.jaring.my](mailto:karsim@pc.jaring.my)

## LAMPIRAN II

**19. Obstetrics and Gynaecology Society of Malaysia (OGSM)**

OGSM terlibat dengan pendidikan tentang HIV/AIDS, terutamanya di hospital ibu mengandung.

Tel: 03-253 0200/717 7066

**20. Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH)**

PENGASIH menganjurkan suatu program pemulihan dadah berasaskan konsep 'masyarakat terapeutik'. Perkhidmatannya termasuk kemudahan jagaan siang (*day care*), rujukan untuk penyahtoksikan (*detoxification*), runding cara berunsur motivasi secara individu dan kumpulan, dan rujukan selepas jagaan. Pendidikan dan runding cara HIV/AIDS telah ditambah kepada program pemulihan dadah sebagai tindak balas terhadap pesatnya rebakan HIV di kalangan pengguna dadah intravena (menyuntik).

Tel: 03-651 3179

E-mail: [kasih@po.jaring.my](mailto:kasih@po.jaring.my) or [khidmat@pengasih.hikmah.net](mailto:khidmat@pengasih.hikmah.net)

**21. Pertubuhan Bimbingan Pesakit Kelantan (PENAWAR)**

PENAWAR mengendalikan sebuah rumah persinggahan untuk pengguna dadah dan bekas banduan yang berstatus positif HIV. Program agama dianjurkan sebagai sebahagian daripada kaedah pemulihan untuk pengguna dadah. PENAWAR berpangkalan di Kelantan.

Tel: 09-765 5613

**22. Pink Triangle**

Pink Triangle terlibat dengan kerja kemasyarakatan berhubung HIV/AIDS dan keseksualan (*sexuality*). Programnya termasuk runding cara melalui telefon, pendidikan HIV/AIDS dan sokongan untuk masyarakat terpinggir, kumpulan sokongan untuk Orang Yang Menghidapi HIV/AIDS (*PLWHA*), program bantuan, sokongan dan bimbingan di jalanan (*street outreach*) untuk pengguna dadah, pekerja seks dan transeksual, serta sebuah pusat singgah (*drop-in centre*) bernama IKHLAS yang menyediakan maklumat AIDS, rawatan perubatan asas, tempat perlindungan sementara dan makanan.

Tel: 03-4044 4611

E-mail: [isham@pop7.jaring.my](mailto:isham@pop7.jaring.my)

**23. Rumah Lanjutan Pemulihan Kinta, Perak**

Rumah Lanjutan Pemulihan Kinta terlibat dengan rawatan dan pemulihan pengguna dadah. Ia telah melanjutkan perkhidmatannya kepada menggalakkan kesedaran HIV/AIDS dan menyediakan perkhidmatan kumpulan sokongan dan runding cara serta menyediakan tempat perlindungan untuk mereka yang memerlukannya.

Tel: 05-242 1022

LAMPIRAN II

**24. Sarawak AIDS Concern Society (SACS)**

SACS terlibat dalam mendidik rakyat negeri Sarawak tentang isu HIV/AIDS melalui ceramah/seminar pendidikan awam, yang merangkumi pengetahuan am, serta maklumat berhubung sikap dan tingkah laku.

Tel: 082-671 1000 samb. 302 (selepas 3:00 petang)

E-mail: [gchong@fss.unimas.my](mailto:gchong@fss.unimas.my)

**25. Selangor Chinese Assembly Hall**

Selangor Chinese Assembly Hall menganjurkan ceramah/seminar/pamiran (dalam bahasa Mandarin) untuk anggotanya dengan tujuannya membina kesedaran terhadap HIV/AIDS yang amat besar pengaruhnya.

Tel: 03-2274 6645

E-mail: [tscsh@tm.net.my](mailto:tscsh@tm.net.my)

**26. Selangor and Federal Territory Family Planning Association**

Aktiviti yang dijalankan sejajar dengan apa yang dibuat oleh badan induknya iaitu Federation of Family Planning Associations, Malaysia (FFPAM). Selanjutnya, aktiviti lain berhubung pendidikan dan peningkatan kesedaran bersama kaum belia juga termasuk dalam agenda tindakan mereka.

Tel: 03-2274 3489/ 2272 5817

E-mail: [ycrc@tm.net.my](mailto:ycrc@tm.net.my)

**27. Shekinah Home Berhad, Melaka**

Shekinah Home menyediakan program masyarakat bersifat terapeutik dan runding cara profesional untuk pengguna dadah dan Orang Yang Menghidapi HIV/AIDS (PLWHA).

Tel: 06-335 6345

**28. Soroptimist International Club of Bangsar (SICB)**

SICB beertumpukan pada pendidikan berunsur pencegahan. Ia juga menjalankan projek "Pendidikan AIDS Untuk Remaja", menyasarkan remaja berusia 12 - 17 tahun. SICB telah menyusun sebuah Manual Latihan, yang menjadi manual operasi dan dijadikan panduan oleh pemudah cara di setiap bengkel.

Tel: 03-206 2128

E-mail: [sitrac@po.jaring.my](mailto:sitrac@po.jaring.my)

**29. St. John's Ambulans Malaysia**

Sayap Teknikal Kejururawatan (*Nursing Technical Wing*) St. John's Ambulance secara rundingan dengan Sayap Latihan Kebangsaan (*National Training Wing*) telah memulakan usaha mendidik anggotanya mengenai HIV/AIDS.

Tel: 03-333 4625



LAMPIRAN II

**30. Tenaganita Sdn. Bhd.**

Tenaganita ialah sebuah pertubuhan pekerja wanita yang menjalankan pelbagai program dan aktiviti dengan wanita dan pekerja asing di ladang-ladang dan kilang-kilang. Program HIV/AIDS pertubuhan ini termasuk usaha bantuan, sokongan dan bimbingan (outreach work) dan khidmat sokongan untuk pekerja seks, sebuah rumah persinggahan untuk wanita positif HIV, runding cara dan pendidikan berhubung HIV/AIDS.

Tel: 03-2691 3691/3681

E-mail: [tenaganita@hotmail.com](mailto:tenaganita@hotmail.com)

**31. The Estate Hospital Assistant Association (EHAA)**

EHAA menyediakan maklumat HIV/AIDS dengan menganjurkan ceramah atau seminar kepada penduduk estet, termasuk pekerja asing serta peneroka FELDA. Pihak pengurusan estet dan pegawai pejabat negeri memberi sokongan dan menyertai ceramah dan seminar ini.

Tel: 03-344 0691

**32. Women's Aids Organisation (WAO)**

WAO menyediakan tempat perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak mangsa deraan. Maklumat HIV/AIDS terkandung dalam sesi pendidikannya untuk wanita.

Tel: 03-7956 3488

E-mail: [wao@po.jaring.my](mailto:wao@po.jaring.my)

- **Malaysian Business Coalition on AIDS (MBCA)** telah ditubuhkan pada 29 Ogos 1996. Majlis pengurusan terdiri daripada syarikat perniagaan Malaysia atau syarikat antarabangsa, seperti Rampai-Niaga Sdn. Bhd. (The Body Shop), SEA Insurance Berhad, Aetna Universal Insurance Berhad, The Regent Kuala Lumpur dan Shahreen Corporate Communications Sdn. Bhd. salah satu daripada aktiviti MBCA ialah menjalankan kursus "Train The Trainer" berhubung kesedaran tentang HIV/AIDS.

MBCA bertujuan untuk:

- a) Membina kesedaran dan kefahaman mengenai HIV/AIDS dan isu-isu berkaitan di kalangan komuniti perniagaan di Malaysia di dalam dan di luar lingkungan tempat kerja.
- b) Melibatkan komuniti perniagaan di Malaysia secara aktif dalam pencegahan dan jagaan HIV/AIDS, termasuk pembangunan dan pelaksanaan dasar HIV/AIDS yang baik di tempat kerja.

Koda Amalan Tentang Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS Di Tempat Kerja

LAMPIRAN II

Alamat: Malaysian Business Coalition on AIDS  
5, Jalan USJ 10/1C, 47620 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5636 0788  
E-mail: [mbca\\_malaysia@hotmail.com](mailto:mbca_malaysia@hotmail.com)

• **Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS)**

Sebagai pejuang utama dalam mendesak tindakan sedunia terhadap HIV/AIDS, misi global UNAIDS ialah memimpin, memperkukuh dan menyokong suatu tindak balas yang lebih luas jangkauannya terhadap masalah ini yang akan:

- mencegah penyebaran HIV/AIDS;
- menyediakan jagaan dan sokongan bagi mereka yang dijangkiti dan terjejas oleh HIV/AIDS;
- mengurangkan betapa mudahnya individu dan masyarakat terdedah kepada HIV/AIDS; dan
- meredakan kesan sosioekonomi dan kemanusiaan daripada HIV/AIDS.

UNAIDS di Malaysia boleh dihubungi di:

WISMA UN  
Blok C, Kompleks Pejabat-Pejabat Bukit Damansara  
Jalan Dungun, Bukit Damansara  
50490 KUALA LUMPUR

Tel: 03-255 9122  
Faks: 03-255 2870  
E-mail: [registry.my@undp.org](mailto:registry.my@undp.org)  
Laman web: <http://www.unaids.org>

